

21 FEB 1997

Razaleigh-Jawatan

USAHA PENYATUAN MELAYU BERJAYA, KATA TENGGU RAZALEIGH

KOTA BAHARU, 21 Feb (Bernama) -- Bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) yang dibubarkan Tengku Razaleigh Hamzah menyifatkan pelantikan anggota bekas S46 memegang jawatan penting dalam badan perhubungan Umno Negeri dan Barisan Nasional, menunjukkan usaha penyatuan Melayu berjaya.

Beliau berkata usaha penyatuan itu akan lebih berjaya apabila semua bekas S46 yang memohon menyertai Umno dapat diserap sepenuhnya dan diberi tugas membantu usaha-usaha dalam politik serta masyarakat.

"Tindakan itu akan menghilangkan rasa berpuak-puak di kalangan masyarakat Melayu apabila mereka disatukan semula," katanya kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Pangkalan Chepa di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas pelantikan bekas Ketua Badan Perhubungan S46 Kelantan, Datuk Rozali Isohak sebagai Timbalan Ketua Penerangan Umno negeri dan Pegawai Penerangan BN Kelantan berkuatkuasa 23 Jan lepas. Bekas Ketua Pemuda S46 Rozali Yusof pula dilantik sebagai Penolong Setiausaha BN negeri.

Tengku Razaleigh berkata perkembangan baik yang berlaku sekarang akan memberi keyakinan kepada anggota bekas S46 bahawa langkah mereka menyertai Umno adalah sesuatu yang baik.

"Kita yakin dengan perkembangan terbaru ini, tidak akan ada bekas S46 yang akan lari ke parti lain, walaupun ada kemungkinan jumlahnya terlalu kecil," katanya.

Mengenai proses penyerapan bekas anggota S46 ke dalam Umno, beliau berkata proses berkenaan berjalan lancar terutama untuk memperbaiki permohonan-permohonan yang ditolak oleh ibu pejabat Umno disebabkan beberapa kesalahan teknikal.

Katanya kira-kira 200,000 permohonan dihantar pada peringkat pertama tahun lepas dan kini kira-kira 100,000 lagi permohonan baru dari seluruh negara termasuk 35,000 di Kelantan akan diserahkan kepada Umno secepat mungkin.

"Kalau proses penyerapan itu dapat diselesaikan dengan cepat adalah lebih bagus kerana setakat ini saya diberitahu ramai di kalangan bekas anggota S46 berasa gelisah, mengapa begitu lama ambil masa untuk proses sedangkan Presiden Umno (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) telah menerima kemasukan mereka," kata Razaleigh. --BERNAMA

WM BD RON